

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Great Eastern Takaful Raih Pelbagai Pengiktirafan di Employee Experience Awards Malaysia dan Takaful Star Awards 2026

Pengiktirafan mencerminkan komitmen berterusan terhadap inovasi, pemerkasaan tenaga kerja, dan penyampaian perlindungan bermakna kepada rakyat Malaysia

26 Mei 2026, Kuala Lumpur – Great Eastern Takaful Berhad (GETB), sebuah pengendali takaful keluarga yang dipercayai, terus mengukuhkan kedudukannya sebagai salah satu pengendali takaful terkemuka di Malaysia melalui penyediaan penyelesaian perlindungan yang inovatif dan inklusif, serta meraih pelbagai pengiktirafan berprestij di Employee Experience Awards Malaysia 2026 dan Takaful Star Awards 2026.

Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen berterusan Great Eastern Takaful terhadap kecemerlangan dalam pembangunan kakitangannya, budaya kerja, pemerkasaan kepimpinan, serta penyelesaian takaful yang mementingkan pelanggan, di samping mengukuhkan lagi aspirasi syarikat untuk mencapai kejayaan.

Pada majlis Employee Experience Awards Malaysia 2026 yang berlangsung di W Kuala Lumpur, Great Eastern Takaful telah menerima beberapa anugerah berprestij termasuk Program Kepimpinan Wanita Terbaik, Strategi Komunikasi HR Terbaik, Inisiatif Pembelajaran Jarak Jauh Terbaik, dan Strategi Peningkatan Kemahiran Terbaik. Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen kukuh syarikat dalam membina persekitaran kerja yang progresif, penuh kepelbagaian dan inklusif, yang memperkasakan warga kerjanya untuk terus berkembang, berinovasi dan cemerlang dalam kerjaya mereka.

Puan Jasveen Kaur Marne, Wakil Lantikan Great Eastern Takaful berkata, “Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen kukuh Great Eastern Takaful dalam membina organisasi yang berteraskan warga kerjanya ke arah persediaan masa hadapan. Kami memperkasakan para wanita melalui saluran kepimpinan yang telah dirancang dalam ekosistem yang inklusif, di samping terus memperkukuh strategi komunikasi kami. Kami memberi penekanan terhadap keterlibatan yang bermakna bagi memastikan warga kerja kami sentiasa terhubung dan bersefahaman. Kami percaya bahawa pembelajaran perlu fleksibel dan mudah diakses bagi membolehkan warga kerja kami lebih berkembang pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Di Great Eastern Takaful, mereka adalah tunggak kekuatan terbesar kami, dan kami kekal komited untuk membangunkan keupayaan mereka agar terus maju dalam landskap yang sentiasa berubah.”

Selain kejayaan dalam kecemerlangan modal insan, Great Eastern Takaful turut menerima pengiktirafan di Takaful Star Awards 2026 yang dianjurkan oleh Persatuan Takaful Malaysia (MTA) di Genting International Convention Centre. Di bawah kategori Perniagaan Individu Takaful Keluarga, Great Eastern Takaful telah memenangi anugerah Pengurus Agensi Terbaik (Langsung) dan Pengurus Agensi Terbaik (Kumpulan).

Manakala di bawah kategori Perniagaan Takaful Keluarga Berkelompok, syarikat telah dianugerahkan sebagai Pengeluar Perniagaan Berkelompok Terbaik dan Agensi Korporat Perniagaan Berkelompok Terbaik. Melengkapkan lagi pencapaian pada malam tersebut, Great Eastern Takaful turut dianugerahkan Ejen Terbaik MC MTA di bawah Kategori Khas.

Mengulas mengenai dedikasi dan semangat yang ditunjukkan oleh perunding takaful serta rakan perniagaan syarikat dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat Malaysia, Puan Jasveen Kaur Marne menambah, “Anugerah ini bukan sekadar satu pencapaian bagi Great Eastern Takaful, malah merupakan ia bukti dedikasi, ketabahan dan profesionalisme perunding takaful, pemimpin serta warga kerja kami yang sentiasa melangkaui jangkauan dalam menyampaikan perlindungan bermakna kepada rakyat Malaysia. Komitmen mereka memberi inspirasi kepada kami untuk terus meningkatkan standard, memacu inovasi dan mencipta nilai yang lebih besar kepada komuniti yang kami layani.”

Takaful Star Awards 2026 dan Employee Experience Awards Malaysia 2026 merupakan platform industri penting dalam mengiktiraf pencapaian serta sumbangan cemerlang dalam landskap takaful dan pengalaman pekerja di Malaysia.

Bagi Great Eastern Takaful, pengiktirafan ini membawa makna lebih daripada sekadar anugerah, namun ia melambangkan perjalanan berterusan syarikat dalam memacu kecemerlangan, memperkasa tenaga kerja, dan membentuk masa depan yang lebih kukuh dalam industri takaful.

-TAMAT-

MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan teras tanggungjawab sosialnya – Financial Literacy (GREAT-Pintar) dan Meningkatkan Kualiti Hidup (GREAT-Care) demi kesejahteraan masyarakat.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia pada tahun 2023. Tahun 2024 menyaksikan Great Eastern Takaful diperakui sebagai “Majikan Terbaik” oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric, dianugerahkan sebagai “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA), diiktiraf dengan “Anugerah Inisiatif – Upcycling” oleh ESGBusiness Awards di samping menerima beberapa anugerah lain daripada HR Excellence Awards 2024. Pada tahun 2025, Great Eastern Takaful sekali lagi dinobatkan sebagai Pengendali

Takaful Terbaik oleh The BrandLaureate BestBrands Awards selain memenangi tiga anugerah daripada HR Excellence Awards 2025. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.greateasterntakaful.com. Great Eastern Takaful juga merupakan ahli PIDM.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Mastura Abd Rahim

Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat

Great Eastern Takaful Berhad

Tel: +6016 - 209 234

E-mel: MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com